

02 AUG 2002

Marina-Biasiswa/I

MARINA MAHATHIR MENERIMA BIASISWA FULBRIGHT

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir merupakan antara 24 rakyat Malaysia yang menerima biasiswaa Fulbright daripada Suruhanjaya Pertukaran Pendidikan Malaysia-Amerika (Macee) hari ini.

Marina, yang menerima bantuan Program Pertukaran Profesional Fulbright daripada Duta Amerika Syarikat Marie T. Huhtala, akan membuat kajian tentang "Memberi Kuasa kepada Golongan Wanita Muda Malaysia" di Jabatan Sosiologi dan Kajian Gender, Universiti Southern California selama enam minggu.

Bantuan di bawah program itu akan membolehkan golongan profesional Malaysia dan Amerika meluaskan pengalaman menerusi perundingan, internship dan lain-lain program profesional di organisasi berkaitan di Amerika Syarikat, untuk jangka masa antara enam minggu hingga tiga bulan.

Pengurus organisasi, persatuan atau industri perkhidmatan adalah layak untuk memohon anugerah itu.

Bercakap kepada media selepas majlis penyerahan sijil itu, Marina berkata ia merupakan satu penghormatan dipilih sebagai penerima.

Beliau berkata topik itu dipilih sebab beliau berminat mempelajari bagaimana untuk berkomunikasi dengan masyarakat bagi menangani isu-isu yang menyentuh kehidupan harian mereka, terutama yang berkaitan wanita.

"Saya rasa wanita muda di negara ini memerlukan lebih banyak maklumat bagaimana mendapatkan idea baru tentang apa yang mereka boleh lakukan, dan mengetahui bahawa mereka boleh mencapai sebarang apa yang dihajati," katanya.

Macee ditubuhkan pada 1963 bagi mempromosi persefahaman bersama antara Malaysia dan Amerika Syarikat menerusi pertukaran pendidikan yang melibatkan pelajar, para akademik, profesional dan menerusi aktiviti pendidikan.

-- BERNAMA

MUN AZH HM